

MT Umno sokong rakyat Kelantan

Oleh Lichong Angkui dan Zairee Zahir

KUALA LUMPUR, Isnin — Majlis Tertinggi Umno (MT) hari ini membuat keputusan menyokong tindakan rakyat Kelantan menghantar memorandum membatalkan Sultan Kelantan dalam politik.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, MT dukacita memorandum yang dihantar itu tidak diterima oleh pihak istana Kelantan.

"Kita menyokong pendirian orang-orang Kelantan yang menegur raja mereka kerana mengambil bahagian dalam politik dan kita (Umno) juga menyokong supaya sultan berkenaan berhenti daripada mengambil bahagian," katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi parti hampir tiga jam di sini, hari ini.

bitan sultan mereka dalam politik berdasarkan demonstrasi yang diadakan serta suara-suara rakyat negeri itu.

"Yang kita malu ialah sultan ini (Sultan Kelantan) membawa imej yang buruk kepada sistem raja di negara kita," katanya.

Dr Mahathir juga menafikan hubungan antara kerajaan dan raja-raja menjadi semakin renggang akibat sokongan yang ditunjukkan oleh Umno kepada perhimpunan rakyat Kelantan itu.

Mengenai kenyataan Menteri Besar Kelantan, Nik Aziz Nik Mat kepada media asing bahawa perhimpunan itu bertujuan menjatuhkan kerajaan negeri Kelantan, Dr Mahathir berkata, kerajaan tidak perlu menggunakan perhimpunan rakyat sekiranya mahu menjatuhkan kerajaan negeri sekarang.

Menurut beliau, tunjuk perasaan dan sikap sebahagian besar rakyat Kelantan yang berhimpun di Bangunan Umno negeri di Kota Bharu Sabtu lalu membuktikan rakyat Kelantan mulai hilang kepercayaan kepada sultan mereka.

Sabtu lalu, Istana Kelantan menolak memorandum daripada lebih 200,000 rakyat Kelantan yang menganggotai 50 pertubuhan yang menyatakan bantahan mereka terhadap pembabatan sultan dalam politik negeri itu.

"Umno berpendapat sultan yang tidak diiktiraf rakyat adalah sultan yang hilang maruahnya sebagai raja," katanya.

Dr Mahathir berkata, sikap Sultan Kelantan tidak menerima memorandum yang dihantar itu juga membuktikan raja yang berpolitik bersikap tidak demokratik serta tidak mempedulikan rayuan rakyat.

"Sebab itulah kerajaan tidak menerima peranan raja dalam politik kerana pada zaman ini, dunia hanya akui sistem kerajaan yang demokratik," katanya.

Beliau membuat andaian bahawa rakyat Kelantan tidak sukakan pemba-

"Perkara ini adalah perkara kecil kepada kita.

"Kalau saya nak jatuhkap kerajaan Kelantan, banyak lagi cara lain, tak payah perhimpunan," katanya.

Mengenai masalah yang dihadapi oleh kerajaan negeri Johor dengan istana Johor, Dr Mahathir berkata, kerajaan akan mencari pilihan yang sesuai, sekiranya perlu, untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pentadbiran Menteri Besar, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Bagaimanapun, beliau berpendapat, pada waktu ini, negeri Johor tidak perlu membuat pindaan dalam perlembagaan negeri itu dengan tujuan mengelak rajanya daripada campur tangan dalam urusan pentadbiran kerajaan negeri.

"Kita akan cari jalan atasi masalah ini. Banyak masalah yang lebih besar lain boleh kita atasi.

"Memang dalam politik selalu ada masalah tapi itu adalah cabaran," katanya.

Katanya, sebagai sebuah negara yang aman dan demokratik, Malaysia tidak perlu terbabit dalam peperangan saudara atau rusuhan sebagai jalan untuk menyelesaikan sesuatu masalah.